



KESAN PENGGUNAAN MODUL BACAAN EKSTENSIF TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR PELAJAR UNIVERSITI

NORZALINA BINTI NOOR



Disertasi Yang Dikemukakan
Kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Sebagai Memenuhi
Sebahagian Daripada Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu

2013





UNIVERSITI MALAYA

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Norzalina binti Noor

No. K.P : 751127-01-6112

No. Matrik : PGA 100007

Nama Ijazah : Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu

Tajuk Disertasi : Kesan Penggunaan Modul Bacaan Ekstensif Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar Universiti.

Bidang Penyelidikan : Kemahiran Membaca Bahasa Melayu.

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan penulisnya telah dilakukan dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 11-07-2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan.

Tandatangan Seksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan :

PROF. MADYA DR. ABDUL JALIL OTHMAN
Ketua
Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji dan sanjungan hanya untukNya; selawat serta salam untuk junjungan agung Muhammad Rasulullah pelita petunjuk alam semester. Syukur kepada Allah S.W.T., kerana dengan hidayah dan inayahNya dapat pengkaji menyempurnakan disertasi ini bagi memenuhi syarat Bergraduat Sarjana Pendidikan.

Pengkaji amat terhutang budi dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Prof. Madya. Dr. Abdul Jalil Bin Othman yang sentiasa memberi galakan, bimbingan, idea dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan kajian ini. Pengkaji juga tidak lupa merakamkan terima kasih kepada para pelajar universiti yang terlibat sebagai responden yang memberikan kerjasama dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan ketika mengutip data.

Untuk suami yang sentiasa menyokong, Sukor Beram dan anak-anak yang dikasihi, Syahirah, Syahmi, Syazana, Syafi, Syabil dan Syakir, terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka kerana sentiasa mengerti, sabar dan mendoakan kejayaan pengkaji dalam menyiapkan disertasi ini, pengorbanan ini amatlah dihargai.

Diharapkan semoga kajian ilmiah ini akan memberi manfaat kepada pengkaji dan kepada pembaca umumnya.

Amin!

Norzalina Noor
2013





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul bacaan ekstensif terhadap kemahiran berfikir pelajar universiti. Kajian ini dibuat kerana lazimnya ia tidak dilaksanakan secara formal dalam Pengajaran dan Pembelajaran serta kelemahan pelajar dalam membuat rujukan. Pengkaji menggunakan reka bentuk eksperimen-kuasi iaitu jenis reka bentuk ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kajian ini melibatkan 69 orang pelajar Universiti Awam iaitu 33 orang pelajar kumpulan kawalan dan 36 orang pelajar kumpulan eksperimen.

Pengkaji menggunakan 3 alat instrumen iaitu satu set borang soal selidik, enam set modul yang dirangka bagi enam kali pertemuan selama satu jam setiap kali pertemuan dan satu set ujian bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca. Dalam Pengajaran dan Pembelajaran modul bacaan Ekstensif, pengkaji menggunakan Teori Model Pembelajaran Ausubel dan Teori Model pengajaran Robert Glaser sebagai kerangka teori yang diubahsuai dalam kajian ini. Dapatan kajian yang dianalisis menunjukkan kumpulan kawalan agak cemerlang prestasi pencapaiannya berbanding kumpulan eksperimen sebelum diintervensikan namun kumpulan eksperimen menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang selepas modul bacaan ekstensif diintervensikan dalam bilik kuliah.

Kesimpulannya, modul ini diharap dapat memberi satu dimensi baru dengan dua sasaran iaitu amalan pedagogi pengajaran guru dalam bacaan ekstensif untuk dilaksanakan secara formal dan nilai tambah kepada pelajar dalam pembelajaran.





ABSTRACT

The purpose of this research was to examine the effect of extensive reading module usage on the thinking skills of university students. This study is made because it was usually not implemented formally in Teaching and Learning and also due to the students' weakness in making reference. The researcher used the quasi-experimental design namely the pre-test and post-test for the control group and experimental group. This study involved 69 Public University students, namely 33 students in the control group and 36 students in the experimental group.

The researcher used three instruments, namely a set of questionnaire, six sets of modules designed for six lessons of an hour each and a set of pre-test and post-test. In the Teaching and Learning of the extensive reading module, the researcher used the Ausubel Learning Model and Robert Glaser Teaching Model as the theoretical framework which was modified in this study. The findings of the study analysed showed that the achievement of the control group was quite outstanding compared to the experimental group before the intervention. However, the experimental group showed more excellent performance after the intervention of the extensive reading module in the lecture room.

In conclusion, this module hoped can give a new dimension with two aims namely pedagogical practice teachers' teachings in extensive reading to be implemented formally and added value to students in learning.





ISI KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x

BAB 1 : PENGENALAN 1

Pendahuluan	1
-------------	---

Latar Belakang Kajian	3
-----------------------	---

Pernyataan Masalah	8
--------------------	---

Objektif Kajian	12
-----------------	----

Soalan Kajian	13
---------------	----

Kepentingan Kajian	14
--------------------	----

Batasan Kajian	15
----------------	----

Definisi Operasional	16
----------------------	----

Kesimpulan	20
------------	----

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN 21

Pendahuluan	21
-------------	----

Konsep Dan Teori Bacaan Ekstensif	22
-----------------------------------	----

Pentingnya Pemahaman Dalam Aktiviti Membaca	27
---	----

Konsep dan Teori dalam Kemahiran Berfikir	33
---	----





Muka surat

Alat Berfikir	44
Teori Pembelajaran Kognitif	51
Model Proses Pembelajaran Ausubel	51
Model Proses Pengajaran Robert Glaser	54
Kerangka Teorikal yang telah diubahsuai dalam Modul Bacaan Ekstensif Terhadap kemahiran berfikir	55
Kajian Dalam Negara	59
Kajian Luar Negara Tentang Bacaan Ekstensif	64
Kesimpulan	70

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN 72

Pendahuluan	72
-------------	----



Reka Bentuk Kajian	73
--------------------	----

Lokasi Kajian	75
---------------	----

Responden Kajian	75
------------------	----

Instrumen Kajian	76
------------------	----

Keesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	77
--	----

Prosedur Perlaksanaan Modul Bacaan Ekstensif	80
--	----

Prosedur Perlaksanaan Ujian Pra dan Ujian Pasca	85
---	----

Prosedur Perlaksanaan borang soal selidik	87
---	----

Prosedur Pengumpulan Data	89
---------------------------	----

Kaedah Analisis Data	90
----------------------	----

Kesimpulan	92
------------	----



Muka surat

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

93

Pengenalan

93

Analisis Deskriptif Dapatan Kajian

95

Pengujian taburan Normal bagi data yang diuji

109

Analisis Inferensi Dapatan Kajian

110

Kesimpulan

121

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

123

Pengenalan

123

Perbincangan dan Rumusan Kajian

124

Implikasi dan Cadangan

136

Kesimpulan

138

BIBLIOGRAFI

140

SENARAI LAMPIRAN

Muka surat

Lampiran A Modul Satu

148

Lampiran B Modul Dua

150

Lampiran C Modul Tiga

152

Lampiran D Modul Empat

154

Lampiran E Modul kelima

156

Lampiran F Modul keenam

159

Lampiran G Set Ujian Kesan Penggunaan Modul Bacaan Ekstensif Terhadap Kemahiran Berfikir

161

Lampiran H Set Soal Selidik Bahasa Melayu

168

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1	Teknik CoRT 1	50
Jadual 2	Reka Bentuk Ujian Pra-Ujian Pasca	74
Jadual 3	Nilai Alpha Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)	80
Jadual 4	Jadual Modul Bacaan Ekstensif dengan Penggunaan Alat Berfikir	81
Jadual 5	Jadual Penentuan Ujian	87
Jadual 6	Rumusan Analisis Data	91
Jadual 7	Taburan Status Ekonomi Sosial (SES) Responden	97
Jadual 8	Taburan Persepsi Pelajar terhadap Teknik Membaca sebelum Rawatan.	101
Jadual 9	Taburan Persepsi Pelajar terhadap Teknik Membaca selepas Rawatan	103
Jadual 10	Pencapaian Prestasi Ujian Pra	106
Jadual 12	Taburan Normal bagi Skor Ujian	109
Jadual 13	Analisis Statistik Ujian-T Skor Ujian Pra antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan	111
Jadual 14	Analisis Deskriptif dan Analisis Statistik Ancova bagi Skor Ujian Pasca dengan Mengawal Faktor Skor Ujian Pra.	112
Jadual 15	Analisis Statistik Ujian-T "Paired Sample Statistik" antara Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen	114
Jadual 16	Analisis Statistik Ujian-T "Paired Sample Statistik" antara Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan.	115
Jadual 17	Analisis Statistik Ujian-T bagi Minat dalam Teknik Membaca sebelum dan sesudah Rawatan bagi Kumpulan Eksperimen	116
Jadual 18	Analisis Statistik Ujian-T bagi Minat dalam Teknik Membaca sebelum dan sesudah Rawatan bagi Kumpulan Eksperimen	118



Jadual 19	Analisis Korelasi Pearson antara Minat Membaca Bacaan Intensif dan Bacaan Ekstensif dengan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen.	119
Jadual 20	Analisis Korelasi Pearson antara Minat Membaca Bacaan Intensif dan Bacaan Ekstensif dengan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan.	120



SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1	Faktor kefahaman Dalam Bacaan Ekstensif	30
Rajah 2	Kesan Matthew terhadap Bacaan Ekstensif	32
Rajah 3	Komponen dalam Kemahiran berfikir	37
Rajah 4	Kategori dalam komponen kemahiran berfikir	38
Rajah 5	Kemahiran Berfikir dalam Domain Metakognitif dan Domain Kognitif.	39
Rajah 6	Ikatan strategi-strategi pembelajaran	42
Rajah 7	Aras Taksonomi Bloom	47
Rajah 8	Lingkaran Soalan	49
Rajah 9	Teori Pembelajaran Ausubel	53
Rajah 10	Model Pengajaran Robert Glaser	54
Rajah 11	Kerangka Teorikal yang telah diubahsuai menggunakan Model Pengajaran Ausubel dan Model Pengajaran Robert Glaser dalam Kesan Penggunaan Modul bacaan ekstensif dalam kemahiran berfikir	56



KESAN PENGGUNAAN MODUL BACAAN EKSTENSIF TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR PELAJAR UNIVERSITI

BAB 1

Pengenalan

Pendahuluan

Dalam mempelajari dan memahami pengajaran bahasa, walau dalam bahasa apapun, seseorang individu itu perlu menguasai empat kemahiran asas sebelum boleh dikatakan menguasai kemahiran bahasa tersebut. Kemahiran literasi dalam kalangan pelajar merangkumi kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran lisan dan kemahiran menulis. Jika dilihat dari aliran penyelidikan terkini, kebanyakan penyelidik suka menyelidik tentang kemahiran mendengar, kemahiran lisan dan kemahiran menulis. Sebahagian penyelidik yang mengkaji tentang kemahiran membaca pula lebih menumpukan kepada pelajar pemulihan dan pelajar sekolah rendah.

Hal ini sedemikian kerana persepsi sesetengah individu yang beranggapan bahawa kemahiran membaca mudah dipelajari dan masalah pembacaan biasanya tertumpu kepada pelajar yang benar-benar tidak tahu mengeja sahaja. Hakikatnya kemahiran membaca bukan sekadar tahu membaca dengan baik dan lancar sahaja tetapi di sebalik kemahiran membaca itu tersembunyi kemahiran memahami, menaakul isi dan





konsep bahan bacaan agar dapat dicerna sebagai suatu maklumat yang berguna jika dapat disusun dan diorganisasi secara menyeluruh.

Kanak-kanak akan mendengar, lebih dahulu daripada bertutur, bertutur lebih dahulu daripada membaca dan membaca lebih dahulu daripada menulis (Asmah Haji Omar, 2004). Oleh itu, dalam dunia pendidikan, kemahiran membaca dianggap sebagai peringkat awal sebelum kemahiran menulis diaplikasikan kerana kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling tinggi tatattingkat kedudukannya dan paling sukar untuk diterapkan kepada pelajar. Tanpa pengukuhan kemahiran membaca, tidak mungkin pelajar dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik terutama dalam penggunaan kosa kata yang sesuai.



Ramai yang beranggapan bahawa kemahiran membaca dianggap telah dikuasai sebaik sahaja seseorang itu mampu membaca dengan baik. Hakikatnya, membaca tanpa memiliki kemahiran memahami apa yang dibaca boleh dianggap sebagai sesuatu yang sia-sia. Kemahiran membaca dikatakan sebagai satu peningkatan kepada kebolehan berbahasa dengan mengamati dan memahami simbol-simbol lisan kepada kebolehan mengenal, menyusun dan memahami simbol-simbol tulisan pula.

Dalam kemahiran membaca, tafsiran yang berbagai-bagai boleh timbul dari pemahaman pembacanya yang bergantung kepada latar belakang pembaca, pengalaman pembaca, motivasi atau tujuan membaca, minat membaca, dan konteks tempat pembacaan dilakukan. Pembacaan bermula dari bawah yang mana pembaca perlu mengenalpasti huruf-huruf yang disusun membentuk perkataan dan seterusnya kedudukannya dalam konteks ayat. Selanjutnya, ayat disusun dalam perenggan-



perenggan yang memudahkan pemahaman dilakukan berdasarkan topik yang diperkatakan dalam sesuatu karya teks. Tugas pembaca sebenarnya ialah menyusun dan menggambarkan pemahaman teks yang dibaca.

Latar Belakang Kajian

Melihat kepada pentingnya kemahiran membaca ini dikuasai dan bukanlah semudah yang disangka, telah menyebabkan pengkaji berminat untuk menerokai kemahiran ini dengan lebih mendalam. Tumpuan pengkaji lebih kepada bacaan ekstensif kerana kurangnya penerapan teknik bacaan ini dalam bilik darjah. Hal ini telah diulas oleh Radha Nambiar (2008) bahawa di kebanyakan sekolah, guru-guru mengajar pelajar cara menjawab soalan kefahaman untuk menyediakan mereka untuk peperiksaan. Pengajaran kemahiran membaca sering dikendalikan dengan cara yang mekanistik dengan pelajar membaca satu teks, menggariskan perkataan-perkataan sukar dan kemudian menggunakan kamus untuk mencari makna setiap perkataan. Akhir sekali soalan-soalan pemahaman digunakan untuk mengecam idea-idea penting dalam teks.

Kesemua teknik yang digunakan dalam pengajaran tersebut lebih menekankan bacaan mekanis atau bacaan intensif. Maka, disebabkan itulah pengkaji cuba mengupas pendekatan bacaan ekstensif pula dalam Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas. Sebelum itu, kupasan tentang kemahiran membaca ini dinyatakan secara eksplisit bagi dijelaskan dengan lebih lanjut dan difahami sebelum ia digunakan dalam kajian.



Menurut Tarigan (1985:11–13), jenis-jenis membaca terbahagi kepada dua iaitu:

1. Membaca nyaring yang tertumpu kepada bacaan mekanis iaitu bacaan yang memberi fokus pada aspek sebutan.
2. Membaca dalam hati yang tertumpu kepada bacaan mentalis iaitu bacaan yang memberi fokus pada aspek pemahaman dan terdiri daripada dua jenis iaitu :
 - (a) Membaca Ekstensif, yang dibahagi lagi menjadi 3 bahagian iaitu : membaca survey, membaca sekilas, dan membaca dangkal.
 - (b) Membaca Intensif, yang terdiri daripada 2 bahagian iaitu: membaca telaah isi dan membaca telaah bahasa. Membaca telaah isi pula merangkumi aspek membaca teliti, pemahaman, kritis, dan membaca idea-idea. Membaca telaah bahasa terdiri daripada membaca bahasa dan membaca sastera.



Seterusnya, penjelasan lebih lanjut tentang bacaan ekstensif dan bahagiannya akan dijelaskan secara terperinci kerana ia merupakan fokus utama dalam kajian ini. Membaca ekstensif merupakan proses membaca yang dilakukan secara meluas, lazimnya bahan bacaan yang digunakan terdiri dari bermacam-macam jenis teks dan waktu yang digunakan pula cepat dan singkat. Pernyataan ini bersandarkan pada pendapat yang diberikan oleh Tarigan (2008:32), iaitu membaca ekstensif bererti membaca secara luas, objeknya meliputi sebanyak mungkin teks dalam waktu yang sesingkat mungkin. Tujuan membaca ekstensif adalah sekadar memahami isi yang penting dari bahan bacaan dengan waktu yang singkat dan cepat.

Broughton (dalam Tarigan, 1985:31) menyebutkan bahawa yang termasuk bacaan ekstensif adalah; 1) membaca survey, 2) membaca sekilas, dan 3) membaca dangkal.





Berikut akan dinyatakan satu persatu perihal bacaan ekstensif ini iaitu:- 1) Membaca *survey* yang merupakan kegiatan membaca bertujuan untuk mengetahui gambaran umum isi dan ruang lingkup bahan bacaan. Kegiatan membaca *survey* ini misalnya melihat judul, pengarang, daftar isi, dan lain-lain. Bacaan *survey* yang dimaksudkan di sini ialah melakukan tinjauan bahan bacaan yang dibaca dengan melihat tajuk sebagai topik yang mendasari teks pengarang bagi melihat kecenderungan bidang pengarang dalam sesuatu penulisan. Manakala, daftar isi pula adalah bagi memastikan bahan yang akan dibaca mengandungi maklumat yang diinginkan.

2) Membaca sekilas atau *skimming* adalah membaca dengan cepat untuk mencari dan mendapatkan informasi secara cepat. Dalam hal ini, pembaca melakukan kegiatan membaca secara cepat untuk mengetahui isi umum suatu bacaan atau bahagian-bahagiannya. Membaca sekilas merupakan salah satu teknik dalam membaca cepat. Hal ini dibicarakan lagi oleh Soedarso (2001:88-89) yang menyatakan bahawa *skimming* adalah suatu keterampilan membaca yang diatur secara sistematis untuk mendapatkan hasil yang efisien dengan tujuan untuk mengetahui: (1) topik bacaan, (2) pendapat orang, (3) bahagian penting tanpa membaca seluruhnya, (4) organisasi tulisan, dan (5) menyegarkan apa yang pernah dibaca. Bacaan *skimming* ini sangat bersesuaian jika diaplikasikan dalam bacaan ekstensif kerana hanya melihat kepada topik, pendapat, isi penting dan organisasi penulisan. Ia juga melihat kepada kohesi dan koheren teks secara keseluruhan bagi mendapatkan pemahaman konteks yang lebih baik dan cepat dalam jangka waktu yang singkat. Teknik ini perlu didalami secara khusus bagi melancarkan pembacaan dan mengukuhkan pemahaman yang lebih baik.





3) Selanjutnya, membaca dangkal merupakan kegiatan membaca untuk memperoleh pemahaman yang dangkal dari bahan bacaan ringan yang kita baca. Tujuan membaca dangkal adalah untuk mencari kesenangan. Dangkal yang dimaksudkan di sini ialah secara luaran atau harfiah tanpa melihat kepada isi tersirat dalam teks. Ia merupakan pemahaman mudah bagi mendapatkan keseronokan ketika membaca tanpa perlu berfikir banyak tapi cukup sekadar memahami isi teks.

Kemahiran Membaca nyaring merupakan aktiviti yang sesuai bagi mencapai ketrampilan mekanis manakala membaca dalam hati adalah aktiviti yang tepat bagi mencapai ketrampilan pemahaman seperti yang diungkapkan oleh Tarigan (1985) bahawa kegiatan yang tepat untuk ketrampilan pemahaman adalah dengan membaca dalam hati. Ini menyebabkan pengkaji hanya menjalankan kajian berdasarkan modul bacaan ekstensif sebagai mekanisme yang berkesan bagi membentuk kemahiran berfikir responden kajian iaitu Pelajar Universiti dalam pemahaman konsep.

Sebaliknya, penjelasan bagi kemahiran berfikir pula sering ditafsirkan sekali dengan pemikiran reflektif, kritis dan kreatif. Ia dapat ditaksirkan sebagai proses intelektual yang melibatkan konsep, aplikasi, analisis, sintaksis dan menilai informasi yang terkumpul melalui pengamatan, pengalaman, refleksi, pentaakulan atau komunikasi sebagai landasan kepada keyakinan dan tindakan.

Daripada definisi yang diberikan secara umum di atas ditambah lagi dengan kenyataan dari Meyers (1986), iaitu *"Teaching students to remember factual information and return it in the form of an examination is the prevalent teaching mode employed in Secondary and Post Secondary Institutions today. Teaching thinking skill is a difficult*





and much different endeavours. Teaching is promote thinking takes more time to prepare, is difficult to plan, and limits the amount of content "taught". Teacher can no longer be information givers, students must learn thinking and reasoning skills to reach their tallest potential in today's society"

Pernyataan dari Meyers ini secara jelas menunjukkan betapa pentingnya kemahiran berfikir memandangkan kaedah pengajaran institut pendidikan masa kini yang melaksanakan pembelajaran dengan mengajar pelajar menghafal fakta bagi tujuan peperiksaan semata-mata. Pembelajaran kemahiran berfikir sebenarnya lebih sukar dilaksanakan dalam bilik darjah dan mengambil banyak masa dalam menyediakan dan merancang P&P dengan keterbatasan konteks pembelajaran. Namun itu bukanlah penghalang kepada perlaksanaannya, jika pelajar dapat mengintergrasikan pengalaman sedia ada dalam pembelajaran mereka. Tugas guru pula memastikan pengajarannya mencapai objektif yang dimaksudkan.

Baharuddin Jabar (2006), turut memperkatakan bahawa kemahiran berfikir haruslah diutamakan dalam sistem pendidikan di negara kita kerana ia amat berkait rapat dengan fungsi otak dan minda individu khususnya para pelajar. Kemahiran berfikir aras tinggi dapat membantu seseorang itu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, mendapat idea-idea baru, meringankan atau mengurangkan beban kerja, mengurangkan pembaziran masa dan menjadikan kehidupan lebih bermakna.

Oleh itu, guru tidak boleh lagi menjadi orang yang menyuapkan maklumat kepada pelajar tetapi pelajar itu sendiri perlu menunjukkan potensi cemerlang untuk berfikir dan menyelesaikan masalah dalam memperluaskan ilmu pengetahuan. Maka, bacaan ekstensif



adalah pemangkin bagi menambahkan pengetahuan dan memberi informasi yang dapat mematangkan pelajar memberi pandangan dan idea-idea yang bernas. Perlu diingat pelajar-pelajar ini merupakan sumber modal insan kelas pertama dan menjadi aset negara jika dapat dilatih menjana pemikiran dengan lebih kreatif dan kritis.

Pernyataan Masalah

Sekadar tahu membaca tidak menunjukkan bahawa pelajar itu menguasai kemahiran membaca yang sewajarnya, lebih-lebih lagi bacaan ekstensif seperti ini jarang dijalankan dalam pendidikan secara formal. Sebaliknya guru-guru lebih menggunakan kaedah bacaan nyaring bagi melihat teknik bacaan mekanis dan bacaan intensif sebagai bacaan mentalis dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) seperti yang telah diperkatakan oleh Radha Nambiar (2002). Sedangkan, bacaan ekstensif secara umumnya mampu memberi pelbagai informasi berguna dan memberi nilai tambah pelajar-pelajar ini dalam mengeluarkan pandangan dan pendapat mereka.

Pentingnya kemahiran diperkukuhkan dengan merujuk dari pelbagai maklumat yang ada melalui bacaan ekstensif diperkukuhkan lagi dengan pandangan Abdul Jalil Othman (2001), bahawa kelemahan dalam penulisan murid khususnya pada peringkat menengah rendah menyebabkan mereka tidak berupaya menghasilkan karangan yang berkesan, dan tidak menarik untuk dibaca. Kelemahan ini termasuklah penyusunan idea melalui pertautan kata dan maklumat yang longgar. Ini akan memberi kesan terhadap pencapaian penulisan karangan mereka semasa menghadapi peperiksaan.



Namun, permasalahan dan kekurangan bacaan ekstensif ini pula tidak dapat diperincikan dengan lebih mendalam kerana tidak ada kajian menyeluruh dibuat terhadap kesan penggunaan bacaan ekstensif ini berbanding dengan bacaan nyaring dan bacaan intensif. Maka, adalah sangat wajar jika kajian dijalankan terhadap bacaan ekstensif ini yang kebanyakannya dipelopori oleh pengkaji luar negara. Kebanyakan kajian yang dijalankan sama ada di luar negara atau di dalam Negara terhadap bacaan ekstensif ini pula, lebih tertumpu kepada P&P bahasa kedua iaitu *English as a Second Language* (ESL) atau bahasa asing iaitu *English as a Foreign Language* (EFL) sahaja dan bukan kepada bahasa pertama. Antara justifikasi lain ialah kebanyakan kajian juga lebih tertumpu kepada penambahan kosa kata, peningkatan kadar bacaan dan perubahan minat dan motivasi sahaja. Untuk makluman, Bahasa Pertama (B1) di Malaysia ialah Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa kedua (B2) pula ialah Bahasa Inggeris (BI).



Menurut Idris (2005:7), senario kaedah belajar di universiti memerlukan pelajar membaca bahan yang pelbagai dan banyak bagi menyiapkan tugas akademik. Di samping beberapa buah buku teks wajib yang disarankan, mereka juga digalakkan mencari bahan-bahan tambahan yang terkini daripada buku dan jurnal yang berkaitan bagi menyiapkan esei, kertas kerja, kertas projek, disertasi serta mendalami pengetahuan tentang perkara-perkara yang dikuliahkan. Oleh sebab, pelajar di universiti dianggap telah matang dan mampu menjalankan program membaca luas secara berdikari, mereka tidak disediakan dengan sebarang program intervensi bagi membantu mereka mengendalikan program pembacaan mereka.





Tambahan lagi, dewasa ini pengkaji melihat masalah pelajar universiti ialah gagal menggunakan pengetahuan sedia ada secara optimum dan gagal merujuk sumber-sumber lain, baik dalam penulisan ataupun dalam mencetuskan idea melalui pemikiran yang lebih terbuka. Permasalahan ini perlu diatasi dengan latihan dan strategi pembelajaran yang mapan. Pengkaji menggunakan modul bacaan ekstensif sebagai strategi pembelajaran yang mampu memberi motivasi dan meningkatkan minat pelajar dalam bacaan ekstensif. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Yahya (2004), yang menyatakan bahawa proses membaca adalah usaha yang berterusan yang dilakukan melalui amalan kognitifnya bagi memperoleh makna teks yang dibaca.

Menurut Radha Nambiar (2002) pula, dalam dunia akademik, jika pelajar hanya mampu mengenal pasti idea-idea utama dan perkataan sukar sahaja, ia tidak mencukupi.



Pelajar biasanya terpaksa pula mengaitkan bacaannya dengan skema atau pengetahuan latar dan memberi pengertian luas terhadap teks. Kebanyakan pelajar mengalami kesukaran besar untuk mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada kerana ini merupakan sesuatu pengalaman yang baru. Pendek kata, pelajar tidak faham bagaimana membaca teks akademik dan mempelajari daripadanya.

Berdasarkan beberapa permasalahan kajian yang telah dikenal pasti dan diperincikan di atas, adalah menjadi matlamat utama dalam kajian ini untuk melihat kesan penggunaan modul bacaan ekstensif terhadap kemahiran berfikir pelajar universiti. Melalui kajian ini juga, tinjauan dibuat untuk mengenal pasti Status Ekonomi Sosial (SES) pelajar untuk melihat aspek-aspek lain yang turut mempengaruhi prestasi pelajar.





Pengkaji cuba menguji kesan penggunaan modul bacaan ekstensif ini dalam meningkatkan kemahiran berfikir pelajar kerana melalui beberapa kajian yang dijalankan oleh beberapa sarjana yang dibicarakan secara panjang lebar dalam bab sorotan kajian mendapati semakin banyak bahan bacaan yang dibaca maka, semakin banyak pula ilmu yang dapat digapai dalam mengolah kembali. Ilmu ini pula dapat diaplikasikan dan dikembangkan menjadi ilmu yang berdaya saing dalam dunia globalisasi ini. Selain daripada perkara yang diutarakan di atas, pengkajian ini juga cuba melihat Kesan Penggunaan modul bacaan ekstensif ini dalam P&P. Inisiatif sendiri dari responden melalui kekerapan membaca dan minat dalam teknik membaca juga diukur.

Pertimbangan penerapan kemahiran membaca ini perlu dilihat secara serius oleh semua individu. Malahan jika dilihat dari kenyataan Mohd Sarip Yusoh, Anggota Parlimen Temerloh, ketika membahaskan Bajet Negara 2006, yang mendakwa lebih daripada 100,000 pelajar seluruh negara tidak boleh membaca. Kenyataan beliau telah disokong oleh Lok Yim Pheng, Setiausaha Agung NUTP dan mengalakkan Kementerian Pendidikan memberi penekanan terhadap kemahiran membaca dalam kelas-kelas pemulihan. (Holt. Sonia, 2006).

Selain itu, terdapat beberapa justifikasi lain juga yang menyebabkan pengkaji merasakan perlunya bacaan ekstensif ini untuk diadaptasikan dalam P&P Bahasa Melayu. Mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar yang mendapat pendidikan di Malaysia terutama dalam peperiksaan awam kementerian kemudian diikuti oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)





sendiri telah menetapkan beberapa objektif antaranya ialah agar pelajar dapat membaca pelbagai jenis bahan bacaan dengan cekap dan kritis serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar. (KPM:1989:01).

Hal yang dijelaskan di atas tentang pentingnya bacaan ekstensif dinyatakan dan diberi penekanan sekali lagi oleh KPM dalam usaha meningkatkan keupayaan dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, dalam perkara 5 : Membangunkan Modal Insan (55:5.17), KPM bermatlamat menjalankan beberapa program untuk meningkatkan penguasaan **Bahasa Inggeris** di kalangan pelajar termasuklah Program Bacaan Ekstensif Sekolah Rendah bagi memperluas kosa kata, tatabahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan pelajar tahun 3 dan 4 di 2,880 buah sekolah luar bandar terpilih. Hal ini berlaku sedemikian kerana pihak KPM sendiri mempercayai bahawa dengan pelaksanaan **Bacaan Ekstensif** ini di sekolah, ia dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar.

Muktakhir ini juga, dalam usaha menggalak pelajar membaca, kerajaan telah memperkenalkan Baucer Buku 1 Malaysia yang diberikan kepada semua pelajar di IPT dari prauniversiti hingga pascasiswazah. Inisiatif kerajaan ini bertujuan untuk membudayakan aktiviti membaca dalam kalangan pelajar.

Objektif Kajian

Kajian kuantitatif yang dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- i) Mengetahui Status Ekonomi Sosial (SES) pelajar universiti yang dijadikan responden dalam kajian.





- ii) Mengenal pasti prestasi pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.
- iii) Mengenal pasti prestasi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dengan penggunaan modul bacaan ekstensif.
- iv) Mengenal pasti minat dalam teknik membaca bagi pelajar universiti dan hubungannya dengan kesan penggunaan modul bacaan ekstensif

Soalan Kajian.

Soalan kajian yang dirangka berdasarkan objektif di atas merangkumi:

- i) Apakah Status Ekonomi Sosial (SES) pelajar yang dijadikan responden dalam kajian ini?
- ii) Apakah prestasi pelajar terhadap kesan penggunaan modul bacaan ekstensif dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?
- iii) Sejauhmanakah prestasi pelajar dalam bacaan ekstensif antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan skor Ujian Pra dan skor Ujian Pasca?
- iv) Sejauhmanakah minat pelajar dalam teknik membaca antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen berdasarkan kesan penggunaan modul bacaan ekstensif bagi skor Ujian Pra dan skor Ujian Pasca?





Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian di atas. Data dari soal selidik dianalisis bagi melihat dari sudut SES responden. Manakala, data skor Ujian Pra dan skor Ujian Pasca dianalisis dengan membuat perbandingan antara kumpulan dan minat pelajar dalam teknik membaca bagi melihat kesan penggunaan modul bacaan ekstensif terhadap kemahiran berfikir pelajar universiti secara formal. Hal ini dikaji kerana kepelbagaian individu mempunyai tahap prestasi dan sikap yang berbeza antara satu sama lain. Dengan melihat kepada konteks dan hasil kajian yang telah diperoleh, langkah-langkah atau tindakan tertentu akan diambil untuk proses penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam proses P&P selama ini.



Dalam konteks ini, kita melihat kepada kajian-kajian lepas tentang keberhasilan bacaan ekstensif dari pelbagai sudut termasuklah dalam meningkatkan kosa kata pelajar dan kefahaman pelajar dalam bacaan. Berdasarkan kajian tersebut, maka tidak hairanlah bagi kita jika bacaan ekstensif ini perlu diberi perhatian sewajarnya dalam proses P&P agar ia dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar, sekaligus menjadikan aktiviti membaca sebagai aktiviti yang menyeronokkan dan berfaedah kepada diri sendiri.

Melalui kajian ini, pengkaji berharap ia dapat memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu, terutamanya pihak universiti, pihak KPM & institut pendidikan lainnya bagi mencari dan merangka dasar-dasar yang dapat mengatasi segala permasalahan yang timbul. Perkara yang perlu diberi keutamaan adalah P&P dalam kuliah dengan mengadaptasikan bacaan ekstensif. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan





kesedaran pelajar bahawa dengan membaca banyak bahan bacaan, idea yang kreatif dan kritis dapat dibina dan juga mengubah minat pelajar ke arah aktiviti membaca.

Selain itu, pengkaji juga berharap maklumat yang dikumpulkan dalam kajian ini sedikit sebanyak akan membantu pelajar dalam menyiapkan tugas yang memerlukan pelajar berfikir di luar konteks dan mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang mereka sendiri. Maklumat ini juga dapat membantu pihak universiti dan pihak sekolah menjalankan inisiatif menyediakan kemudahan yang sewajarnya bagi para pelajar agar dapat mengakses bahan bacaan dengan mudah. Tenaga pengajar dan guru-guru yang terlibat dengan P&P pula akan lebih peka terhadap penerapan bacaan ekstensif ini dalam mempraktikkan pedagogi mereka dengan sukatan pelajaran sedia ada. Pelajar juga secara tidak langsung dapat dimotivasikan dengan tidak menganggap aktiviti membaca adalah aktiviti yang membosankan dan tidak memberi apa-apa manfaat kepada mereka



Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah terbatas kepada perkara-perkara berikut iaitu:

1. Kajian ini hanya bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul bacaan ekstensif terhadap kemahiran berfikir Pelajar Universiti.
2. Pengkaji juga menghadkan kajian kepada pelajar Ijazah Dasar Universiti sahaja. Pelajar ini dipilih kerana pelajar ini akan lebih terdedah kepada tugas yang memerlukan mereka membuat penulisan ilmiah berdasarkan rujukan dari beberapa bahan yang lain. Semua pelajar yang dipilih sebagai responden merupakan pelajar semester Pertama dan Kedua dari fakulti yang berbeza. Kursus ini memerlukan pelajar menggarap kemahiran





menulis yang utuh, ketrampilan dalam berkomunikasi dan ketrampilan dalam mengorganisasi satu projek ilmiah yang mana kemahiran ini bakal digunakan sepanjang mereka meniti pembelajaran sebagai warga kampus di Universiti dan juga sebagai aset untuk dibawa ketika mengajar kelak.

Definisi Operasional

Berikut diberikan beberapa definisi operasional yang digunakan oleh pengkaji dalam menghuraikan objektif yang ingin diuji agar dapat difokuskan mengikut pemahaman pengkaji sendiri dalam topik ini.

Kesan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005), maksud kesan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya) atau definisi lainnya ialah perihal berkesan (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya)

Dalam kajian ini, kesan merujuk kepada hasil yang diperoleh daripada penggunaan modul bacaan ekstensif dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik kuliah. Hasil diperoleh dengan melihat kepada skor Ujian Pra dan skor Ujian Pasca yang dijalankan secara Kuasi- Eksperimental.





Penggunaan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005), penggunaan bermaksud perihal (perbuatan, kegiatan, dan lain-lain) menggunakan sesuatu. Dalam kajian ini, penggunaan merujuk kepada perihal menggunakan modul yang dirangka sebagai panduan pengajaran bacaan ekstensif sebagai mekanisme yang dapat membantu guru merealisasikan alat berfikir terhadap pelajar universiti.

Modul

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005), modul bermaksud modul (kursus), pelajaran (latihan dan sebagainya) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran dan definisi yang lain ialah unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar.

Dalam kajian ini, modul merujuk kepada 6 set modul yang telah disediakan sebagai rancangan pengajaran harian selama 6 minggu. Modul ini telah dirangka dengan sebegitu rapi bagi melatih pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara formal dari latihan yang mudah hingga kepada latihan yang lebih kompleks. Modul ini direncana secara berperingkat dengan menggunakan 6 aras Taksonomi Bloom iaitu dari pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Kaedah latihan yang digunakan pula menggunakan sepenuhnya empat jenis alat berfikir bagi memudahkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Empat alat berfikir yang diterapkan dalam modul





tersebut ialah peta minda, Pengurusan grafik, soalan dan penyoalan, serta CoRT 1 yang disusun juga secara berperingkat dalam modul bacaan ekstensif tersebut.

Bacaan Ekstensif

Tarigan (2008:32), menyatakan bahawa membaca ekstensif bererti membaca secara luas, objeknya meliputi sebanyak mungkin teks dalam waktu yang sesingkat mungkin. Tujuan membaca ekstensif adalah sekadar memahami isi yang penting dari bahan bacaan dengan waktu yang singkat dan cepat. Ia jelas menyatakan bahawa bacaan ekstensif adalah bacaan secara meluas yang mempunyai teknik yang tertentu.

Dalam pengkajian ini, pengkaji telah menerapkan P&P dengan mempraktikkan bacaan ekstensif terhadap kumpulan eksperimen di dalam kuliah manakala kumpulan kawalan tidak diberi apa-apa rawatan. Pelajar diharap dapat membaca sebanyak-banyak teks tentang isu yang sama dalam waktu yang sesingkat mungkin tetapi dalam masa sama pembaca dapat mengakses dan memahami informasi dalam teks secara menyeluruh.

Kemahiran berfikir

Kemahiran berfikir adalah satu proses intelektual. Menurut Meyers (1986), kemahiran berfikir adalah keyakinan berlandaskan tindakan yang cermat dan disengajakan, sama ada dalam menerima, menolak, atau menengahkan satu-satu keputusan berhubung dengan satu-satu dakwaan. Oleh sebab, pengkajian penyelidikan ini berdasarkan prinsip pendidikan yang merangkumi P&P, pengkaji memilih konsep kemahiran berfikir ini dari perspektif KBKK (kemahiran berfikir Kreatif dan Kritis) seperti yang diketengahkan oleh KPM





Dalam konteks kajian ini juga, pengkaji hanya mengambil beberapa item dari Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu dari sudut kreatif, kritis, penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan dalam bentuk ujian (Pra dan Pasca) dan latihan P&P dalam bentuk modul tentang kesedaran metakognitif membaca pelajar universiti.

Pelajar Ijazah Dasar Universiti

Pelajar Ijazah Dasar merupakan kelulusan di peringkat tinggi. Nama penuh peringkat ini dinamakan Ijazah Sarjana Muda. Peringkat ini adalah peringkat profesional dengan memerlukan kelulusan sekurang-kurang mempunyai diploma ataupun kursus persediaan seperti di Matrikulasi ataupun Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Contoh program ijazah sarjana muda ialah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu.



Tempoh pengajian pula ialah sekitar 3 hingga 5 tahun. Kebiasaannya adalah 4 tahun, tetapi kebanyakan kursus perubatan mungkin memakan masa 5 hingga 6 tahun bergantung kepada bilangan mata pelajaran yang diambil. Pelajar yang mengikuti program ijazah Sarjana Muda lazimnya mengambil **tidak kurang** daripada lima (5) semester dan **tidak lebih** daripada dua belas (12) semester panjang dikira dari tarikh pendaftaran pertama, tertakluk kepada ketetapan universiti.

Pelajar Ijazah Dasar dalam konteks kajian ini terdiri daripada pelbagai bidang yang mengkhusus dalam pendidikan. Pelajar Ijazah Dasar yang dikaji juga hanya melibatkan pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Melayu wajib universiti sebagai syarat bergraduasi. Kursus Bahasa Melayu ini menitikberatkan penilaian pengucapan





Kesimpulan .

Dengan lain perkataan, bab ini menjelaskan betapa pentingnya bacaan ekstensif ini dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menjana kemahiran berfikir pelajar. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi dimensi baru dalam kemahiran membaca menggunakan teknik bacaan ekstensif yang sering diabaikan dalam P&P secara formal berbanding bacaan intensif yang mudah dilaksanakan dalam bilik darjah. Bacaan intensif memberi pemahaman secara mendalam tetapi bacaan ekstensif dapat memberi pemahaman secara meluas terhadap sesuatu isu. Fokus utamanya ialah kesediaan pelajar mempraktikkannya dalam pembelajaran dan penekanan pedagogi guru tentang bacaan ekstensif ini dalam pengajaran. Langkah yang terperinci dan bersistematik dapat membantu bacaan ekstensif ini direalisasikan. Persoalannya, apakah kesan perlaksanaannya terhadap prestasi pelajar? Hal inilah yang akan dikupas dengan lebih lanjut lagi dalam kajian ini.

